

20/01/2003

Sultan mahu rakyat pelihara keamanan

Hassan Omar; Faiza Zainudin

ALOR STAR: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, mengingatkan rakyat supaya tidak mengambil mudah aspek keamanan negeri ini, meskipun negara dalam keadaan aman.

Sultan Kedah bertitah, ketika negara dalam suasana aman damai, rakyat di

negeri ini tidak seharusnya alpa terhadap pelbagai ancaman yang mungkin melanda negeri pada masa depan.

Baginda bertitah, rakyat seharusnya mengambil iktibar tindakan golongan

pelampau yang menggunakan isu agama, ideologi dan perkauman untuk memecahbelahkan masyarakat.

"Keselesaan dan keamanan yang kita nikmati hari ini boleh hilang dalam sekelip mata jika tidak dipelihara dengan teliti.

"Jika rakyat tidak bersatu, negara akan dijajah semula kerana sejarah membuktikan negara mudah dijajah apabila pemimpin dan rakyat bersanggah.

"Penjajahan semula bukan terhad kepada penjajahan ketenteraan saja tetapi yang lebih berbahaya adalah penjajahan ekonomi yang sukar diramalkan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan baginda yang Ke-75, di Istana Anak Bukit, di sini, semalam.

Turut hadir, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan isteri, Datin Seri Syarifah Hamidah Syed Hamid.

Seramai 100 orang termasuk ketua jabatan, kakitangan kerajaan, pemimpin,

ahli profesional, ahli perniagaan dan anggota keselamatan dianugerahkan darjah dan bintang kebesaran.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Dr Mahathir mengetuai senarai penerima penganugerahan

darjah dan bintang kebesaran.

Sultan Selangor dan Dr Mahathir, masing-masing menerima anugerah Darjah

Kerabat (DK) Kedah daripada Sultan Kedah.

Syed Razak, menerima darjah Datuk Seri Setia Diraja Kedah (SSDK) manakala Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Paduka Ismail Shafie menerima darjah Datuk Lela Setia.

Selain itu, Mufti Kedah, Datuk Syeikh Hasbullah Abdul Halim dan Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Datuk Abdul Halil Mutalib menerima darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (DHMS) yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Antara penerima darjah Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk adalah Ketua Staf Am Markas Medan Tentera Darat, Brig Jen Muslim Yusof, Tunku Sarah Tunku Ahmad Yahya dari Jabatan Surgeri dan Otopedik Pusat Perubatan Universiti Malaya (UM) dan Md Roshdi Datuk Ahmad Nordin.

Sultan Kedah bertitah, baginda berbangga dengan komitmen Syed Razak merancang dan melaksanakan program pembangunan bagi menjadikan Kedah negeri maju menjelang 2010.

Baginda juga bertitah, negara akan kehilangan negarawan ulung yang berjasa membantu memajukan negeri ini berikutan pengunduran Dr Mahathir daripada kerajaan, Oktober depan.